



TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP LGBT DALAM KALANGAN MURID ISLAM TINGKATAN ENAM DI KUALA LUMPUR



ANIS SYAHIDAH BINTI AHMAD YUSOF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP
LGBT DALAM KALANGAN MURID ISLAM
TINGKATAN 6 DI KUALA LUMPUR

ANIS SYAHIDAH BINTI AHMAD YUSOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10.....(hari bulan).....SEPTEMBER..... (bulan) 20.....24.

i. Perakuan pelajar :

Saya, ANIS SYAHIDAH BINTI AHMAD YUSOF, M20201000277,
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP LGBT DALAM
KALANGAN MURID ISLAM TINGKATAN 6 DI KUALA LUMPUR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP
TERHADAP LGBT DALAM KALANGAN MURID ISLAM TINGKATAN 6 DI KUALA LUMPUR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

10 SEPTEMBER 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia
Dr. Norhisham bin Muhamad
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP LGBT DALAM
KALANGAN MURID ISLAM TINGKATAN 6 DI KUALA LUMPUR

No. Matrik / Matric's No.: M20201000277

Saya / I: ANIS SYAHIDAH BINTI AHMAD YUSOF

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10 SEPTEMBER 2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr. Norhisham bin Muhamad
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT di atas izin dan kurnia daripadaNya dapat juga dilengkapkan disertasi ini bagi memenuhi syarat bergraduasi yang telah ditetapkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Norhisham Bin Muhamad selaku penyelia saya atas kesudian beliau memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang penulisan disertasi ini dilaksanakan. Seterusnya, ucapan terima kasih juga saya titipkan kepada barisan pensyarah di Jabatan Pengajian Islam yang banyak berkongsi ilmu dan memberikan maklum balas yang sangat membantu dalam proses penulisan disertasi ini

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya Ahmad Yusof Bin Mat Zain dan Aminah Binti Shareii serta ahli keluarga yang sentiasa mendorong saya agar tidak mudah berputus asa dan bersemangat dalam menyiapkan disertasi ini. Juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama menuntut ilmu, berkongsi pandangan dan idea dalam melengkapkan penulisan ini. Terima kasih tidak terhingga kerana sering memberi kata-kata semangat dan dorongan.



Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya dalam menyempurnakan disertasi ini. Semoga Allah SWT membalas setiap kebaikan yang dihulurkan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda, Insya Allah. Akhir kalam, saya mengharapkan penulisan ini dapat menjadi ilmu yang berguna serta dijadikan rujukan pada masa akan datang. Wallahua'lam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah kajian tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 278 responden yang telah dipilih secara rawak daripada 1092 orang murid tingkatan enam yang bersekolah di sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali Alpha Cronbach $\alpha = 0.93$ bagi pembolehubah pengetahuan terhadap LGBT dan pembolehubah sikap terhadap LGBT. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t, ANOVA dan korelasi Pearson. Statistik deskriptif digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT dalam kalangan responden. Statistik inferensi pula digunakan untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT berdasarkan faktor-faktor demografi seperti jantina dan umur. Selain itu, statistik inferensi digunakan untuk mengenalpasti hubungan di antara pengetahuan dan sikap terhadap LGBT. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap LGBT berdasarkan skor secara keseluruhan (min=101.09, s.p=7.35). Begitu juga dengan sikap terhadap LGBT menunjukkan skor secara keseluruhan yang tinggi (min=79.36, s.p=7.92). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang LGBT dari perspektif agama serta mempunyai sikap yang tidak menerima LGBT. Bagi dapatan statistik inferensi pula menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan terhadap LGBT berdasarkan jantina dan umur responden. Analisis juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap terhadap LGBT berdasarkan jantina dan umur responden. Ini bermakna terdapat faktor lain selain jantina dan umur yang membezakan di antara tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT. Analisis hubungan di antara tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan terhadap LGBT terutamanya mengikut perspektif Islam adalah perkara penting yang perlu dititikberatkan.



KNOWLEDGE LEVEL AND ATTITUDE TOWARDS LGBT AMONG MUSLIM FORM SIX STUDENTS IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This study seeks to determine the level of knowledge and attitudes towards LGBT. It employs a survey research method, with a sample of 278 respondents randomly chosen from 1,092 Form six students in secondary schools around Kuala Lumpur. The research instrument comprised a set of questionnaire validated by three experts, showing high reliability indicated by Cronbach's Alpha coefficient ($\alpha = 0.93$) for both knowledge and attitude towards LGBT variables. Data analysis involved descriptive and inferential statistics including frequency, percentage, mean, standard deviation, t-test, ANOVA, and Pearson correlation. Descriptive statistics measured the respondents' knowledge and attitudes towards LGBT, while inferential statistics examined differences based on demographic factors such as gender and age. Additionally, inferential statistics were used to identify relationship between knowledge and attitudes towards LGBT. The findings revealed that respondents had a high level of knowledge about LGBT based on overall score (mean=101.09, s.d.=7.35), and a similarly high attitude score towards LGBT (mean=79.36, s.d.=7.92). This indicates that respondents possess substantial knowledge about LGBT from a religious perspective but hold less accepting attitudes towards LGBT. Inferential statistical findings revealed no significant differences in LGBT knowledge or attitudes based on the respondents' gender and age, suggesting that other factors might influence knowledge and attitudes towards LGBT. The analysis revealed a positive correlation between LGBT knowledge and attitudes. The implications of this study highlight the importance of knowledge about LGBT, particularly from an Islamic perspective.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Tujuan dan Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Kerangka Teori	12
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.7 Hipotesis	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	16
1.10 Definisi Operasi Kajian	17



1.11	Kesimpulan	18
------	------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	19
2.1	Konsep LGBT	20
2.2	Perkembangan LGBT di Malaysia	21
2.3	Pandangan Islam terhadap LGBT	24
2.3.1	LGBT di dalam Al-Quran dan Hadis	24
2.4	Kesan Pengamalan LGBT	31
2.5	Respons dan Sikap terhadap LGBT	33
2.6	Kajian Lepas	38
2.7	Kesimpulan	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	42
3.1	Reka Bentuk Kajian	43
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	43
3.3	Instrumen Kajian	45
3.3.1	Soal Selidik	46
3.4	Kajian Rintis	48
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	49
3.5.1	Kesahan Instrumen	49
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	51
3.6	Tatacara Pemerolehan Data	52
3.7	Tatacara Penganalisisan Data	54
3.7.1	Analisis Deskriptif	54
3.7.2	Analisis Inferensi	55

3.8	Kesimpulan	57
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	58
4.1	Latar Belakang Profil Responden	59
4.1.1	Profil Jantina	59
4.1.2	Profil Umur	60
4.2	Analisis Deskriptif Dapatan Kajian	61
4.2.1	Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Data Kajian Sebenarnya	61
4.2.2	Analisis Tahap Pengetahuan Responden Mengenai LGBT	62
4.2.2	Analisis Sikap Responden Terhadap LGBT	69
4.3	Analisis Statistik Inferensi	75
4.3.1	Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Mengenai LGBT berdasarkan Jantina Responden	75
4.3.2	Analisis Perbezaan Sikap terhadap LGBT Berdasarkan Jantina Responden	77
4.3.3	Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Mengenai LGBT Berdasarkan Umur Responden	78
4.3.4	Analisis Perbezaan Sikap terhadap LGBT Berdasarkan Umur Responden	80
4.3.5	Analisis Korelasi di antara Tahap Pengetahuan Mengenai LGBT dan Sikap terhadap LGBT	81
4.4	Kesimpulan	83
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.0	Pengenalan	84
5.1	Ringkasan Kajian	85
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.2.1	Tahap Pengetahuan Responden	86

Mengenai LGBT

5.2.2 Sikap Responden Terhadap LGBT 88

5.2.3 Perbezaan Tahap Pengetahuan Mengenai LGBT 90
dan Sikap terhadap LGBT Berdasarkan Jantina
dan Umur

5.2.4 Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Mengenai 92
LGBT dan Sikap terhadap LGBT

5.3 Implikasi Dapatan Kajian 93

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 95

5.5 Kesimpulan 97

RUJUKAN 98



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai nama sekolah tingkatan 6 di Kuala Lumpur	45
3.3 Keterangan bahagian yang terdapat dalam soal selidik	47
3.3 Bilangan skor bagi setiap skala lima mata likert	47
3.4 Skor Alpha Cronbach bagi kebolehpercayaan instrumen kajian	52
3.5 Analisis inferensi	56
4.1 Profil jantina responden kajian	59
4.2 Profil umur responden kajian	60
4.3 Nilai kebolehpercayaan item berdasarkan skor Alpha Cronbach	62
4.4 Analisis tahap pengetahuan responden mengenai LGBT secara keseluruhan	63
4.5 Analisis tahap pengetahuan responden mengenai LGBT mengikut item	63
4.6 Analisis sikap responden terhadap LGBT secara keseluruhan	70
4.7 Analisis sikap responden terhadap LGBT mengikut item	70
4.8 Analisis perbezaan tahap pengetahuan mengenai LGBT berdasarkan jantina responden	76
4.9 Analisis perbezaan sikap terhadap LGBT berdasarkan jantina responden	77
4.10 Analisis perbezaan tahap pengetahuan mengenai LGBT berdasarkan umur responden	79





- | | | |
|------|---|----|
| 4.11 | Analisis perbezaan sikap terhadap LGBT berdasarkan umur responden | 80 |
| 4.12 | Analisis korelasi Pearson di antara tahap pengetahuan mengenai LGBT dan sikap terhadap LGBT | 82 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Konsep ilmu pengetahuan berdasarkan Imam al-Ghazali	13
1.2 Kerangka konseptual kajian	13



SENARAI SINGKATAN

LGBT Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender

JAKIM Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN



Kemenjadian modal insan di Malaysia adalah sesuatu yang dititikberatkan terutamanya dalam diri murid yang juga merupakan generasi muda di negara ini. Justeru, demi merealisasikan usaha untuk membina kemenjadian modal insan yang sejahtera maka adalah penting supaya semua pihak merujuk kembali panduan yang diberikan daripada Al-Quran dan As-Sunnah sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-A'raf ayat 158.

فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya : Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia (Rasulullah SAW) supaya kamu beroleh hidayah petunjuk.

Al-A'raf 7:158





Ayat di atas menggesa umat Islam supaya menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai ikutan agar mendapatkan petunjuk yang benar. Maka tidak dapat disangkal lagi kedudukan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber rujukan paling utama dalam membangunkan generasi muda di negara. Namun begitu, semakin hari hal ini dilihat menjadi semakin mencabar. Perkara ini sangat berkait rapat dengan fenomena berskala global yang tersebar secara meluas melalui kemudahan teknologi maklumat yang semakin pesat dan maju. Tanpa sedar atau tidak, ia telah berjaya membawa masuk satu agenda sosial yang mampu merosakkan masyarakat iaitu lesbian, gay, biseksual dan transgender atau lebih dikenali sebagai LGBT.

LGBT merupakan satu perbuatan maksiat yang dilarang oleh Allah SWT. Larangan tersebut ada dinyatakan di dalam surah-surah tertentu di dalam Al-Quran. Sebagai contohnya di dalam surah Al-A'raf, Al-Ankabut, Hud dan juga beberapa surah yang lain yang memuatkan kisah kemurkaan Allah SWT terhadap kaum Lut yang cuba memuaskan nafsu syahwat mereka dengan mendatangi kaum sejantina. Ini menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah satu kesalahan yang besar yang perlu dihindari. Selain itu, larangan berkaitan isu LGBT ini juga ada diriwayatkan di dalam hadis. Seperti mana hadis yang diriwayatkan.

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

Maksudnya: Sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Lut, maka bunuhlah pelaku dan orang yang diperlakukan perbuatan itu. (Riwayat Ibnu Majah, 2561)

Rasulullah SAW pernah menyatakan kebimbangan mengenai penglibatan umat Islam ke dalam perbuatan ini berdasarkan hadis.



إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ

Maksudnya: Sesungguhnya yang paling aku khawatirkan terhadap umatku sesudahku adalah perbuatan kaum Lut. (Riwayat Ibnu Majah, 2563)

Kebimbangan Rasulullah SAW terlihat nyata pada hari ini apabila melihat segelintir individu dalam masyarakat yang mengamalkan dan menyokong LGBT tersebut. Perkara ini juga telah mendorong kepada satu kebimbangan bahawa ia akan mendatangkan kekeliruan dan salah faham terutamanya kepada anak-anak muda di negara ini. Hal ini adalah kerana golongan ini mudah terpengaruh untuk melakukan dan menyokong tingkah laku tersebut yang mampu mencemarkan kesucian akidah dan kemurnian akhlak sebagai seorang muslim. Oleh itu generasi muda ini perlulah mendapatkan didikan sebaiknya agar tidak terpengaruh dengan sebarang fahaman yang cenderung kepada perilaku haram dan maksiat. Demikian itu, melalui kajian ini pengkaji akan meneroka tahap pengetahuan dan sikap yang dimiliki oleh responden terhadap LGBT dan ingin menilai sama ada tahap pengetahuan dan sikap tersebut selari dengan apa yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masalah LGBT sewajarnya diperhatikan secara serius oleh pelbagai pihak di negara ini. Sekiranya masalah ini dibiarkan berlarutan maka ia akan menimbulkan pelbagai kesan buruk dan ianya berupaya mencemarkan nilai ketamadunan dan peradaban manusia. Berdasarkan data yang dikumpulkan oleh Pew Research Centre (2023) telah dicatatkan bahawa sepanjang tahun 2001 sehingga tahun 2023 terdapat lebih daripada 30 buah negara di sekitar Eropah dan Amerika memberikan kebenaran bagi perkahwinan untuk pasangan yang mempunyai jantina yang sama. Sebagai contohnya pada tahun 2013 di



United Kingdom, akta *Marriage (Same Sex Couples) Act* 2013 yang berkaitan permohonan perkahwinan bagi pasangan sama jantina telah diluluskan. Perkara ini menunjukkan bahawa keterbukaan terhadap LGBT yang berlaku di negara luar mengalami peningkatan dari semasa ke semasa.

Negara Malaysia sendiri juga tidak terlepas daripada terlibat dengan isu sosial yang berkait dengan LGBT ini. Menurut Mahfudzah (2015) kewujudan golongan transgender ataupun pondan di negara ini sebenarnya telah bermula pada tahun 1980-an. Dalam masa yang sama, terdapat peruntukan yang berkaitan masalah LGBT di dalam enakmen-enakmen perundangan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia menunjukkan bahawa masalah ini bukanlah satu masalah baharu. Sebagai contohnya terdapat hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan liwat, musahaqah dan lelaki yang berlagak seperti wanita yang tercatat di dalam Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Negeri Perak, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Negeri Kedah dan beberapa lagi enakmen jenayah syariah negeri-negeri lain.

Sebuah perarakan sempena hari wanita sedunia yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2019 turut menjadi konteks perbincangan apabila membincangkan isu berkaitan LGBT. Perarakan ini pada asalnya diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan menolak diskriminasi terhadap wanita. Namun begitu, ia juga dihadiri oleh kumpulan penyokong LGBT yang berarak dengan tujuan menuntut hak-hak berkaitan LGBT (Danial Ariff, 2019). Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dilaporkan di dalam akhbar Utusan (2022) populasi gay di Malaysia meningkat dari 173,000 pada tahun 2013 kepada 310,000 pada tahun 2018. Selain itu, perkembangan





media terutamanya media sosial juga secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan LGBT di Malaysia. Menurut Muhammad Faiz Mokhtar et.al (2020), media sosial menjadi tempat penyebaran informasi, perkongsian pengalaman dan berinteraksi sesama komuniti LGBT yang lain. Berdasarkan perkara yang berlaku ini menunjukkan kewujudan LGBT ini dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Walaupun isu LGBT yang berlaku diseluruh dunia dan khususnya di Malaysia sedang berkembang ia masih tidak dapat menolak bahawa ianya merupakan perkara yang dilarang di sisi agama Islam. Ini kerana perkara ini berupaya mendatangkan kesan buruk seperti menjerumuskan individu dan masyarakat dalam pelbagai kemudaratan yang boleh merosakkan struktur kekeluargaan serta memberi impak yang serius kepada pembinaan generasi pada masa akan datang (MAIS, 2015). Menurut Khalif Muammar (2018) nilai kebebasan tanpa sempadan serta keterbukaan terhadap isu LGBT yang menjadi pegangan di Barat ini pada akhirnya akan membawa manusia kepada kerosakan seperti masalah keruntuhan moral dan akhlak.

Setiap Muslim yang beriman perlu patuh kepada segala ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah SWT sepertimana yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan hadis. Hukum pengamalan LGBT disabitkan sebagai haram dan dilarang berdasarkan dalil yang didapati dari kedua-dua sumber hukum yakni al-Quran dan hadis. Justeru, adalah amat penting kepada umat Islam supaya memahami dan mentaati segala ketetapan hukum tersebut. Tugas untuk menyampaikan dan membetulkan fahaman umat Islam berkaitan LGBT juga perlu diselaraskan dengan hukum-hakam yang telah ditetapkan tersebut (M. Basheer Ahmad, 2006).





Dalam pada itu, masalah LGBT yang berlaku di negara ini juga secara tidak langsung dapat menimbulkan kecelaruan terutamanya kepada generasi muda iaitu remaja di negara ini. Hal ini kerana, LGBT adalah bertentangan dengan pendidikan Islam yang telah mereka pelajari. Remaja pada masa kini juga cenderung terpengaruh dengan perkara yang mereka lihat dan tonton terutamanya apabila kandungan berunsurkan LGBT yang ada dimuatkan di dalam Internet sangat mudah untuk diakses. Justeru, adalah sangat penting supaya pengetahuan dan sikap tentang LGBT dalam diri remaja masa kini diselaraskan dengan ketetapan yang tertulis di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Kewujudan isu-isu yang berkaitan dengan LGBT pada akhir-akhir ini telah mendorong pelaksanaan kajian berkaitan pengetahuan dan sikap terhadap LGBT dalam kalangan remaja tingkatan 6 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berdasarkan sorotan terhadap kajian-kajian lalu, didapati bahawa kajian terhadap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT merupakan di antara kajian yang mendapat tumpuan dan kerap dilaksanakan. Hal ini kerana kajian terhadap kedua-dua aspek tersebut mengemukakan gambaran pengetahuan dan sikap yang dimiliki oleh individu terhadap LGBT. Selain itu, kajian pengetahuan dan sikap terhadap LGBT juga dilihat agak kurang dilaksanakan di negara ini. Pengkaji melihat bahawa kajian berdasarkan dua aspek ini sebagai satu kajian yang penting berdasarkan Kooy (2010) yang menyatakan bahawa tindakan selanjutnya boleh diambil untuk menambahbaik pengetahuan dan sikap yang sebenar terhadap LGBT.





1.2 PERNYATAAN MASALAH

Amalan dan perbuatan berkaitan LGBT merupakan sesuatu yang dilarang dan ditegah di dalam Islam. Di Malaysia, perbuatan LGBT sememangnya tidak diperakui dan diterima untuk diamalkan kerana cara gaya hidupnya yang bertentangan dengan budaya dan agama masyarakat di negara ini (Suhaya Deraman et al., 2017). Walau bagaimanapun, realiti sebenar menunjukkan bahawa terdapat segelintir ahli masyarakat yang terlibat dalam melakukan perbuatan LGBT ini. JAKIM mendedahkan bahawa seramai 173,000 bilangan gay direkodkan pada tahun 2013 dan meningkat sehingga 310,000 pada tahun 2018. Manakala bilangan transgender pula dicatatkan sebanyak 10,000 pada tahun 1988 dan meningkat sehingga 30,000 pada tahun 2018 (Audrey Dermawan, 2018).



Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan sebelum ini dapat mengenalpasti permasalahan berkaitan LGBT dan pengamalannya dalam kalangan murid sekolah. Sebagai contoh, kajian Abdul Razak et al. (2013) berkaitan pengetahuan seksualiti dalam kalangan murid sekolah menengah mendapati bahawa terdapat segelintir murid mempunyai pengalaman dalam melakukan kegiatan seks sejenis. Sementara itu, responden kajian Hasli Sharil, Lau Poh Li dan Salmi Jalina (2014) yang juga merupakan transgender lelaki kepada wanita memberitahu bahawa kecenderungan mereka untuk menjadi jantina berbeza bermula pada usia muda iaitu sejak di zaman persekolahan lagi. Di samping itu, kajian Muhammad Irwan et al. (2015) telah berhasil mengesan penglibatan beberapa orang murid perempuan berumur 13 hingga 18 tahun dalam masalah lesbianisme. Kajian Noremy, Fadzillah dan Mohammad Rahim (2019) pula mendapati bahawa responden mahasiswa telah mula melibatkan diri ke dalam





tingkah laku LGBT sejak di bangku persekolahan lagi. Berdasarkan kajian yang disebutkan maka timbul satu persoalan mengenai tahap pengetahuan murid mengenai isu LGBT sehinggakan mereka melibatkan diri ke dalam permasalahan LGBT tersebut.

Pada masa kini, LGBT menjadi semakin mudah untuk disebar dengan bantuan teknologi maklumat yang berkembang dengan sangat pesat. Hal ini merujuk kepada media sosial yang telah menjadi salah satu medium perhubungan dan penyebaran LGBT. Kajian telah membuktikan bahawa media sosial merupakan medium yang digunakan untuk berkomunikasi dan berinteraksi, menyebarkan maklumat, berkongsi pengalaman, melibatkan diri dengan komuniti LGBT dan mempromosikan kegiatan LGBT (Suriati, Azilah dan Jabil, 2013; Muhammad Faiz, Wan Allef dan Zulkifli, 2019; Noor Fariyah, Zulkifli dan Nor Amira, 2019).



Berdasarkan kepada perbincangan di atas, Noor Fariyah et al. (2019) menegaskan bahawa perkara ini berpotensi mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran anak-anak remaja untuk melibatkan diri ke dalam kegiatan tidak bermoral ini. Hal ini demikian kerana para remaja berkemungkinan terdedah kepada kandungan yang mempromosikan agenda-agenda LGBT sewaktu mereka menggunakan media sosial. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan sebuah berita yang tular pada bulan Jun 2021 di mana seorang usahawan kosmetik bersama-sama rakannya yang dipercayai merupakan transgender telah ditahan kerana melakukan ancaman seksual bukan fizikal kepada dua orang kanak-kanak lelaki berumur 14 dan 15 tahun di dalam sebuah rakaman 'live' (Nuraina Hanis, 2021).





Isu LGBT merupakan isu yang berhubungkait dengan masalah akidah, akhlak dan ibadah (Noor Hafizah dan Norsaleha, 2016; Ramadhani, 2020). Hal ini kerana, mengamalkan LGBT menunjukkan penentangan dan pengabaian terhadap ajaran Islam sedangkan umat Islam perlulah sentiasa mentaati segala ajaran tersebut (Ibnu Kathir, 2004). Dalam sebuah kes yang dilaporkan pada tahun 2016, dikatakan seorang mahasiswa lelaki dari negara ini yang menyambung pelajaran di sebuah universiti di luar negara telah mengisytiharkan dirinya sebagai gay dan mengaku telah keluar dari agama Islam (Mohd Hazmi, 2016; Jillian, 2016). Selain itu, terdapat isu seorang usahawan kosmetik yang berani berpakaian silang jantina ketika menunaikan umrah (Latifah, 2020; Rositah, 2020). Pada bulan Mac 2021 pula telah tular sebuah kenyataan berupa hasrat ingin keluar dari Islam daripada seorang usahawan kosmetik dipercayai merupakan seorang transgender. Perkara ini dikatakan berlaku ekoran kecewa dengan tindakan orang ramai serta pihak JAIS terhadap dirinya (Mukhriz, 2021). Isu seperti ini dibimbangi menimbulkan kekeliruan kerana perkaitannya aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam Islam. Ketiga-tiga aspek ini tidak boleh diambil mudah kerana dibimbangi menjadi satu ikutan pada masa akan datang.

Menurut Mohamad Hafifi dan Mohd Farok (2018) pula, pada masa kini golongan transgender sudah berani menampilkan identiti mereka kepada masyarakat. Ada di antara mereka yang menjadi ikon perniagaan dan artis terkenal dan menjadi idola dan ikutan masyarakat. Dalam kajian Collin Jerome et al. (2021), responden kajian ini yang juga merupakan pengamal LGBT mengakui bahawa penerimaan masyarakat di Malaysia terhadap LGBT masih lagi dibatasi oleh agama dan budaya. Namun begitu responden kajian tersebut menambah bahawa masyarakat pada masa kini sudah mula bersikap terhadap LGBT. Hal ini dibuktikan apabila figura LGBT yang





terkenal seperti usahawan kosmetik, pempengaruh (*influencer*) dan sebagainya mendapatkan penyokong dan pengikut di media sosial.

Sebelum ini telah terdapat kajian yang dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT terutamanya di negara luar seperti kajian Bojana et al. (2015), Banwari et al. (2015), Della Pelle et al. (2018), Wahlen et al. (2020) dan Egan (2020). Secara umumnya, kajian-kajian ini memfokuskan kepada pengetahuan dan sikap terhadap LGBT dalam kalangan individu yang berkhidmat dalam bidang kesihatan. Selain itu kajian Rofik dan Lutfiana (2017), Mollura (2020) dan Nugraha et al. (2020) pula memfokuskan perkara yang sama namun ianya dilaksanakan dalam kalangan individu di sekolah seperti guru dan murid. Daripada keseluruhan kajian-kajian ini dapat disimpulkan secara umum bahawa pengetahuan dan sikap terhadap LGBT adalah sesuatu yang penting untuk dikaji sebagai satu langkah penambahbaikan untuk menangani isu berkaitan LGBT.

Terdapat juga kajian yang telah dilaksanakan di Malaysia untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT. Sebagai contohnya, kajian Zakaria dan Salleh (2019) dijalankan untuk mengenalpasti pengetahuan berkaitan LGBT dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Begitu juga kajian Fauzan Fahmi et al. (2020) yang mengkaji sikap responden mahasiswa daripada UTM terhadap LGBT dan mendapati bahawa responden menunjukkan penolakan terhadap LGBT. Kajian Siti Nabilah et al. (2021) mengenalpasti pengetahuan dan sikap terhadap homoseksual dalam kalangan murid sekolah di Kulim. Walaubagaimanapun, kajian yang menentengahkan tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam dilihat masih kurang dilaksanakan. Sedangkan ia adalah





Kajian yang dilaksanakan secara khusus untuk mengkaji persepsi murid sekolah menengah terhadap LGBT berdasarkan aspek pengetahuan dan sikap masih belum meluas. Justeru, pengkaji ingin melaksanakan sebuah kajian kepada murid Islam tingkatan 6 yang mengkaji persepsi terhadap LGBT berdasarkan pengetahuan dan sikap mereka terhadap LGBT itu sendiri. Hasil akhir kajian diharapkan dapat membentuk realiti sebenar mengenai gambaran tentang persepsi murid sekolah terhadap LGBT dari sudut pengetahuan dan sikap yang dimiliki oleh mereka.

1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN



Secara umumnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti pengetahuan, sikap dan tingkah laku murid sekolah mengenai LGBT.

Walaupun bagaimanapun, objektif kajian secara khusus adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti tahap pengetahuan murid tingkatan 6 tentang LGBT
2. Menenalpasti sikap murid tingkatan 6 terhadap LGBT
3. Mengkaji perbezaan tahap pengetahuan dan sikap terhadap LGBT dalam kalangan murid tingkatan 6 berdasarkan jantina dan umur
4. Mengkaji hubungan diantara tahap pengetahuan dan sikap murid tingkatan 6 terhadap LGBT





1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang berikut

1. Apakah tahap pengetahuan murid tingkatan 6 tentang LGBT?
2. Apakah sikap murid tingkatan 6 terhadap LGBT?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan sikap murid tingkatan 6 terhadap LGBT berdasarkan jantina dan umur?
4. Adakah terdapat hubungan diantara tahap pengetahuan dan sikap murid tingkatan 6 terhadap LGBT?

1.5 KERANGKA TEORI



Imam al-Ghazali Adalah di antara tokoh ternama yang sangat memberikan perhatian terhadap ilmu pengetahuan. Di dalam kitab karangannya yang berjudul Ihya' Ulumiddin beliau telah memuatkan bab khas yang juga merupakan bab pertama di dalam kitab tersebut yang membincangkan mengenai ilmu pengetahuan.

Al-Ghazali (2018) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan khususnya pengetahuan agama memainkan peranan yang penting dalam kehidupan umat Islam. Hal ini kerana, ia merupakan kunci utama untuk mendapatkan kebahagiaan di akhirat serta berfungsi menghubungkan manusia dengan pencipta. Di samping itu juga, dengan adanya ilmu pengetahuan menjadikan manusia dapat melaksanakan ibadah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT.




Konsep ilmu pengetahuan yang diketengahkan oleh Imam al-Ghazali ini jelas menunjukkan kepada umat Islam tentang kepentingan memiliki ilmu pengetahuan khususnya berkait dengan ilmu agama. Hal ini dapat memberi panduan kepada umat Islam dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini.



Rajah 1.1. Konsep ilmu pengetahuan berdasarkan Imam al-Ghazali

1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual yang terdapat di rajah 1.2 di bawah merupakan rangka yang digunakan oleh pengkaji untuk menerangkan kajian ini secara menyeluruh.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual ini mengandungi dua perkara penting iaitu pengetahuan dan sikap. Pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan responden terhadap LGBT dari sudut agama. Manakala sikap yang terkandung di dalam kerangka konseptual ini merujuk kepada sikap responden terhadap LGBT sama ada mereka menunjukkan sikap menolak atau menerima LGBT. Selain itu, kajian yang dijalankan



ini akan mengenalpasti hubungan di antara pengetahuan terhadap LGBT dengan sikap terhadap LGBT dalam kalangan responden. Jika terdapat hubungan di antara kedua-dua komponen ini maka langkah terbaik perlu dirancang demi memastikan pengetahuan dan sikap terhadap LGBT yang selari dengan kehendak agama.

1.7 HIPOTESIS

Menurut Ahmad Sunawari Long (2014) hipotesis juga adalah penting dalam memandu sesuatu kajian. Hipotesis kajian dibina berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan dan juga berkait rapat dengan soalan kajian yang telah diajukan. Bagi setiap hipotesis yang dibina akan cuba menjawab persoalan-persoalan kajian.

Kebenaran hipotesis ini kemudiannya akan diuji setelah data didapatkan dan dianalisis.

Berikut adalah hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini:

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan responden terhadap LGBT berdasarkan jantina

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada sikap responden terhadap LGBT berdasarkan jantina

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan responden terhadap LGBT berdasarkan umur responden



Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada sikap responden terhadap LGBT berdasarkan umur responden

Ho5 Tidak terdapat hubungan diantara pengetahuan dan sikap responden terhadap LGBT

1.8 BATASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan batasan-batasan yang berikut:

a) Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian di sekolah menengah kebangsaan menempatkan murid tingkatan 6 yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Secara umumnya, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kesemua sekolah menengah di bahagikan kepada 3 zon pentadbiran iaitu zon Bangsar Pudu, Keramat dan Sentul. Secara umumnya, Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia dan bandaraya besar yang menjadi tumpuan penduduk dari seluruh negeri di Malaysia. Kuala Lumpur juga mengalami kepesatan dan pembangunan dalam pelbagai aspek termasuklah akses kepada pengetahuan dan pendidikan yang lebih baik. Penduduk di kawasan bandaraya besar seperti ini juga dilihat lebih terbuka kepada trend semasa. Oleh yang demikian, Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi yang dirasakan sesuai untuk dijalankan kajian yang berkaitan dengan tajuk ini.

b) Responden

Responden kajian ini terdiri daripada murid beragama Islam tingkatan 6, jantina lelaki dan perempuan yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Murid-murid yang terlibat di dalam kajian ini berumur di antara 18 sehingga 20 tahun. Peringkat umur ini ditafsirkan sebagai peringkat remaja akhir di mana mereka mempunyai tahap kematangan yang tersendiri dalam beberapa aspek. Mereka berkemahiran dalam penggunaan media, melibatkan diri dalam aspek sosial dan pergaulan namun mereka masih lagi memerlukan bantuan dan bimbingan orang yang dewasa. Oleh yang demikian, murid-murid dirasakan sesuai sebagai responden kajian ini.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji dijangkakan mempunyai kepentingan kepada pihak yang berikut:

a) Guru dan Pihak Sekolah

Selain ibu bapa, para guru dan pihak sekolah adalah diantara individu yang mempunyai kaitan yang rapat dengan remaja. Setiap perkara dan masalah yang melibatkan para remaja turut menjadi tanggungjawab guru dan pihak sekolah. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat memberi rujukan kepada para guru terutamanya guru Pendidikan Islam serta pihak sekolah berkenaan tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku para

murid terhadap LGBT. Oleh itu sebarang penambahbaikan di dalam pendidikan dan bimbingan di peringkat sekolah sama ada melalui sesi pengajaran di dalam kelas ataupun melalui program-program di peringkat sekolah dapat dilaksanakan.

b) Para pengkaji lain

Masalah berkaitan LGBT sentiasa menjadi tumpuan kajian untuk ramai pengkaji. Secara khususnya, kajian pengetahuan, sikap dan tingkah laku murid terhadap LGBT masih kurang dilaksanakan. Kajian-kajian LGBT yang menjadikan murid sekolah sebagai responden kajian juga kurang dilaksanakan. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian berkaitan isu LGBT dalam kalangan murid.

1.10 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Menurut Ahmad Sunawari Long (2014) definisi operasi kajian adalah sejumlah perkataan yang dipilih oleh pengkaji untuk diberikan huraian supaya pembaca tidak tersalah faham dengan maksud lain selain yang dimaksudkan oleh penyelidik.

a) Pengetahuan

Menurut Collins (2020) pengetahuan adalah informasi dan pemahaman tentang subjek yang dimiliki oleh seseorang individu atau dimiliki oleh semua orang sebagaimana yang dirujuk di dalam Swarjana (2022). Pengetahuan di dalam kajian ini merujuk



kepada informasi ataupun pemahaman responden terhadap LGBT berdasarkan apa yang ditetapkan di dalam Islam iaitu sesuatu yang perlu diketahui oleh umat Islam berkaitan LGBT.

b) Sikap

Menurut Siti Nabilah, Shahlan dan Salleh (2021) sikap adalah idea, perasaan, kepercayaan atau prasangka yang dimiliki oleh seseorang. Sikap dalam kajian ini merujuk sikap responden terhadap LGBT sama ada mereka menunjukkan sikap yang selari dengan kehendak agama Islam.

1.11 KESIMPULAN



Perbincangan mengenai aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku murid terhadap LGBT adalah kajian yang penting. Tindakan mengamalkan LGBT seolah-olah tidak mengambil iktibar diatas peristiwa yang menimpa kaum Nabi Lut AS. Oleh itu, kajian ini dijalankan sebagai salah satu usaha untuk mengenalpasti pengetahuan dan sikap penerimaan murid terhadap LGBT. Secara keseluruhan, bab ini telah membincangkan secara khusus tentang pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teoretikal kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional kajian, batasan kajian serta kepentingan kajian. Bab ini telah memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Pada bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan kajian literatur yang lalu dan membuat perkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji.

